

BULETIN

NRE



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

EDISI 1/2013

ISBN 1985-6679



LAWATAN KERJA
YB MENTERI KE TAPAK
PROJEK RIVER OF LIFE



MAJLIS MESRA
JABATAN TAMAN LAUT
BERSAMA MEDIA



PUSPANITA NRE &
KPL JAYAKAN 1M4U
DI FRIM

SIDANG PENGARANG BULETIN NRE

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zool Azha Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Cik Nor Azean Hasan
Cik Noor Fadilah Ibrahim

Jurufoto

En. Mohd Nazri Rapaai
En. Mohd Sulaiman Mansor

Sidang Redaksi Buletin NRE mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan rencana dan karya kreatif daripada warga NRE. Sidang redaksi berhak menyunting setiap rencana yang disiarkan. Segala sumbangan hendaklah dihantar terus kepada :

Sidang Redaksi Buletin NRE

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 1, Podium 2, No. 25 Persiaran Perdana
Wisma Sumber Asli Presint 4
62574 Putrajaya.

E-mel : ukk@nre.gov.my

Tel : 03-8886 1728

Faks : 03-8889 4763

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan tentang kepimpinannya"
Hadis Muttafaq 'alaih

DARI IPAD KSU



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1NRE.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya berpeluang berkongsi sepatah dua kata dalam edisi pertama Buletin NRE bagi tahun ini. Melalui edisi ini, pelbagai informasi mengenai program serta aktiviti terkini NRE bagi suku tahun pertama 2013 dapat kita kongsi bersama.

Bagi suku tahun pertama tahun 2013, kita telah berjaya menganjurkan pelbagai majlis di NRE yang telah didokumenkan dalam buletin ini seperti penganjuran Perhimpunan Bulanan YB Menteri sehingga sambutan Hari Hutan Sedunia. Tugas-tugas yang telah dilaksanakan oleh warga NRE dalam menjayakan visi dan misi NRE melambangkan semangat serta dedikasi penuh kerajaan melalui agensi-agensinya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar untuk kepentingan generasi masa kini dan akan datang.

Berpegang kepada visi Kementerian iaitu 'Menerajui Pengurusan Sumber Asli dan Pemuliharaan Alam Sekitar Secara Berkekalan', dengan pengaplikasian semangat 1NRE, maka saya penuh berkeyakinan bahawa segala usaha murni dan inisiatif penuh komitmen ke arah menganjak dan memperkasakan imej Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) di mata rakyat akan berjaya dicapai.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua warga NRE yang telah menyumbangkan idea-idea bernas dan konstruktif dalam memastikan segala perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat adalah yang terbaik dan cemerlang pada setiap masa.

Sehubungan dengan itu, marilah kita semua seluruh warga NRE membulatkan tekad untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, meningkatkan kerjasama antara bahagian-bahagian di NRE dengan jabatan-jabatan dan juga di antara jabatan dengan jabatan agar Misi, Visi dan Objektif Kementerian dapat dicapai dan agar kewujudan NRE serta jabatan di bawahnya terus relevan pada masa-masa akan datang. Ini adalah kerana setiap kejayaan yang dicapai oleh Kementerian adalah hasil daripada kerja keras serta usahasama seluruh warga NRE beserta jabatan serta agensi di bawahnya.

Sekian Wassalam.

YBhg. Dato' Sri Zool Azha Bin Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



LAWATAN KERJA YB MENTERI KE TAPAK PROJEK 'RIVER OF LIFE'

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek 'River of Life' pada 10 Januari 2013 di Kuala Lumpur.

Beliau diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Zoal Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE, Y.Bhg Dato Ir. Hj Ahmad Husaini Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), YBhg. Dato' Ir. Lim Chow Hock, Pengarah Bahagian Lembangan Sungai dan Pantai, JPS.

Dalam sesi lawatan tersebut, beliau telah meninjau perkembangan di tapak projek tersebut. Sebanyak empat lokasi tapak projek telah dilawati oleh rombongan kerja tersebut.



MAJLIS MESRA JABATAN TAMAN LAUT BERSAMA MEDIA

Malaysia tergolong antara 12 negara yang kaya dengan sumber asli dan biodiversitinya termasuklah kepelbagaian terumbu karang yang secara tidak langsung menyumbang kepada kepentingan ekonomi negara.

Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2007 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi mengurus dan memulihara Taman Laut khususnya biodiversiti marin.

Usaha pemuliharaan Taman Laut adalah tanggungjawab bersama dan media merupakan medium pengantaraan dan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Justeru, menyedari kepentingan itu, Majlis Mesra Jabatan Taman Laut Malaysia Bersama Media telah berlangsung pada 26 Februari 2013 bertempat di Restoran Sri Melayu, Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan untuk memberikan maklumat berkenaan aktiviti pengurusan dan pemuliharaan Taman Laut di Negara ini di samping menjalin hubungan mesra dengan pihak media.

Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim Bin Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) dan Y.Brs. Dr. Sukarno Bin Wagiman, Ketua Pengarah JTLM.

Majlis ini mendapat sambutan yang baik dan dihadiri oleh 20 orang wartawan daripada pelbagai agensi antaranya Berita Harian, Utusan Malaysia, BERNAMA, Utusan Malaysia, RTM, The Sun Daily, Stargroup Radia dan News Straits Times.



Puspanita NRE & KPL

jayakan **im4u** MALAYSIA FOR YOUTH

di **FRIM**

YBhg. Puan Sri Dato' Rohani Abdullah, Yang DiPertua Puspanita Kebangsaan telah melancarkan Laman Puspanita sempena Program Lawatan Turun Padang dan IM4U Puspanita Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama Puspanita Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL) pada 19 Mac 2013 bertempat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Dato' Sri Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE, YBhg. Datin Sri Shahriah Md. Khalid, Pengerusi PUSPANITA Cawangan NRE, YBhg. Dato' Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha KPL dan isteri, YBhg. Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM dan YBhg. Datin Junaidah Kamarruddin, Setiausaha Bahagian Kanan, NRE.

Antara aktiviti yang diadakan dalam program ini adalah Pelancaran Buku Malaysian Herbal Heritage, Senam Seni 1NRE Gaya Hidup Sihat dan gotong-royong IM4U dan aktiviti menanam pokok di sekitar FRIM.





LAWATAN KERJA

YBM NRE KE ZOO NEGARA

Rakyat Malaysia kini tidak perlu lagi terbang ke China untuk menyaksikan beruang panda kerana haiwan itu bakal ditempatkan di Zoo Negara bermula awal tahun 2014.

Eksibit khas bagi penempatan panda telah mula dibina pada bulan April tahun ini. Dengan keluasan 1.6 hektar, eksibit khas ini dibina dengan suhu di bawah 24 darjah celsius dan mempunyai kemudahan yang menyamai habitat asalnya.





Makanan utama Giant Panda adalah buluh dan untuk memastikan bekalan buluh yang tidak mencukupi, program penanaman buluh bagi Giant Panda ini sedang dilaksanakan di Paya Indah Wetlands, Dengkil. Zoo Negara juga akan memulakan penanaman buluh di atas kawasan seluas 40 ekar bagi menampung keperluan bekalan makanan haiwan ikonik itu yang memerlukan 25 kg buluh sehari.

Pasangan Giant Panda yang dipinjamkan kepada Malaysia bagi tempoh 10 tahun merupakan tanda simbolik memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.





1 MILLION PURPLE WALK

Dataran Putrajaya bertukar menjadi lautan ungu apabila ribuan wanita dari seluruh negara menyertai 1 Million Women Purple Walk yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 17 Mac 2013.

Program yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak telah berjaya menghimpunkan lebih 400,000 wanita kesemua mereka memakai baju berwarna ungu menepati tema program. Pelaksanaan program ini melambangkan solidariti wanita Malaysia dan meraikan kejayaan kaum hawa dalam pelbagai bidang.

Bagi menyahut inisiatif kerajaan, warga NRE turut tidak melepaskan peluang menyertai program ini. YBhg. Dato' Sri Zol Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) dan Datin Junaidah Kamaruddin Setiausaha Bahagian Kanan merupakan barisan pengurusan atasan yang turut serta memeriahkan acara berkenaan.

Pelbagai acara menarik telah dijalankan antaranya hiburan dan persembahan artis, pancaragam dan pasukan sorak, senamrobik dan lain-lain.

1 Million women Purple Walk



LAWATAN KERJA

YB MENTERI BERSAMA MENTERI PEMBANGUNAN BRUNEI KE TAPAK PROJEK PENCEGAHAN KEBAKARAN DAN PENGURUSAN TANAH GAMBUT



Program lawatan kerja YB Menteri Dato Sri Douglas Uggah Embas bersama Menteri Pembangunan Brunei Darussalam Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Suyoi Osman ke Tapak Projek Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut telah diadakan pada 18 Januari 2013 di Permyjaya, Miri.



Kehadiran delegasi Brunei ini telah disambut oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan dan kerajaan Sarawak.

Lawatan delegasi Brunei tersebut bertujuan melihat usaha Malaysia dalam mencegah kebakaran hutan dan tanah gambut dengan memperluaskan program ini ke kawasan potensi.



Program ini telah dimulakan pada 2010 di Kuala Baram dan sehingga kini, sebanyak 19 sekatan saluran telaga tiub dan sebuah menara tinjau telah beroperasi sepenuhnya.

Komitmen yang ditampilkan oleh Malaysia dalam menangani isu ini telah berjaya menarik perhatian delegasi Brunei apabila mereka bersetuju mempelajari kaedah pelaksanaan pencegahan kebakaran hutan dan tanah gambut serta jerebu yang merentasi sempadan.

Malaysia dan Brunei adalah anggota bagi Jawatankuasa Peringkat Menteri Subserantau ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (MSC).





PERHIMPUNAN BULANAN JANUARI BERSAMA YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah diadakan bersama YB Menteri, Dato Sri Douglas Uggah Embas pada 15 Januari 2013 bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli.

Perhimpunan Bulanan NRE ini merupakan perhimpunan pertama yang diadakan selepas menyambut kedatangan tahun 2013.

YB Menteri dalam ucapannya berkata, agenda nasional berpandukan Falsafah 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan perlu diteruskan bagi mengukuhkan perpaduan kebangsaan yang merupakan teras kelangsungan negara.

Dalam konteks NRE pula, fokus utama bagi tahun 2013 ialah meningkatkan lagi usaha-usaha dalam menangani isu-isu alam sekitar yang meliputi pencemaran udara, pencemaran sumber air, kehilangan biodiversiti, ancaman terhadap hidupan liar dan sebagainya.

Bagi merealisasikan agenda transformasi ini, beliau menyeru supaya semua jabatan/agensi di bawah Kementerian berfungsi sebagai satu keluarga selaras dengan semangat 1NRE.

Selain mendengar perutusan daripada YB Menteri, majlis turut diserikan dengan persembahan koir dari kumpulan koir NRE, tayangan media dan slide serta bacaan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam.





A photograph showing three men in a meeting. The man in the center is wearing a light pink shirt and glasses, looking down at a document. The man on the left is wearing a checkered shirt and glasses, also looking down. The man on the right is wearing a checkered shirt and glasses, looking towards the center. There are microphones and water bottles on the table in front of them.

ANNUAL WORK CAMP NRE 2013

Program Annual Work Camp NRE telah berlangsung selama empat hari bermula 29 Januari hingga 1 Februari 2013 lalu bertempat di Philea Resort, Ayer Keroh, Melaka.

Aktiviti pada hari pertama telah dimulakan dengan program Eksekutif NRE Sihat (Senam Seni) yang dimeriahkan dengan penyertaan pengurusan atasan serta pegawai-pegawai NRE.

Program Annual Work Camp NRE kemudiannya diteruskan dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan dan Pengurusan NRE Bil.1/2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato Sri Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE.





Seterusnya, YB Dato Sri Douglas Uggah Embas telah mempengerusikan Mesyuarat Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Perancangan Strategik (Rancangan Kerja Tahun 2012) dan Perancangan Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2013 (Rancangan Kerja Tahun 2013).

YB Menteri juga telah mengadakan lawatan ke Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka (Parcel Kedua) sebagai salah satu program Annual Work Camp 2013.





MY BEAUTIFUL MALAYSIA

**Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2013, 3 Februari 2013,
Kuching Integrated Recreational Centre, Jalan Taman Budaya, Kuching, Sarawak**

Program My Beautiful Malaysia Peringkat Negeri Sarawak telah diadakan pada 3 Februari 2013 bertempat di Pusat Rekreasi Bersepadu Kuching (KIRC) Jalan Taman Budaya, Kuching.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan disaksikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato Sri Douglas Uggah Embas. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), YBhg. Datin Junaidah Kamaruddin, Setiausaha Bahagian Kanan NRE, pengurusan tertinggi serta pegawai di NRE.

Penglibatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam program My Beautiful Malaysia adalah untuk menyahut usaha YAB Perdana Menteri menghidupkan alam sekitar. Dalam program ini, warga NRE bersama-sama melakukan aktiviti menanam pokok dan mengindahkan kawasan di sekitar pusat rekreasi.





Lawatan Kerja YB Menteri Ke RTB Kerian

YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja beliau ke Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian yang melibatkan kerja-kerja tebatan banjir di sekitar Sungai Kerian, Sungai Kurau dan menaiktaraf Kolam Bukit Merah pada 7 Mac 2013.

Pelaksanaan projek RTB Lembangan Sungai Kerian merangkumi tiga buah negeri iaitu Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Projek ini telah siap bermula pada tahun 2012 dan djangka siap sepenuhnya pada tahun 2015.

Jumlah projek yang telah diluluskan di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Khas ini sebanyak 29 projek.



PERASMIAN - YAB Perdana Menteri, Dato Seri Najib Tun Razak dan isteri di pelancaran program Visit Malaysia 2014 di Stadium Bukit Jalil.



23 JAN

MESYUARAT - YBhg. Dato Sri Zoa Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE bersama-sama warga Puspamira NRE ketika menghadiri Mesyuarat Agung Puspamira NRE ke-10 berlangsung di Wisma Sumber Asli.

KESATUAN - Warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut serta dalam perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1434H/2013 bertempat di Putarajaya.



3 FEB

KUNJUNGAN - YB Menteri NRE, Dato Sri Douglas Uggah Embas sedang mengadakan perbincangan bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato Mustapha Mohamed ketika menerima kunjungan hormat di pejabat beliau.



7 FEB

ANUGERAH - YBhg. Dato Sri Zoa Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE menyampaikan siji Perkhidmatan Cemerlang 2012 kepada En. Idris Yusoff, Pengarah Bahagian Korporat Jabatan Pengiraan dan Saliran (JPS) selaku seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012, JPS.



19 JAN



24 JAN

TEKUN - YAB Perdana Menteri, Dato Seri Najib Abdul Razak, mengunjungi tapak pameran di Penlis dan mendengar taklimat mengenai Projek Naik Taraf Empangan Timah Tasoh dari Tuan Hj. Nishad Muhamied Shariy/Pengarah Jabatan Pengiraan dan Saliran (JPS) Penlis. Turut hadir ialah Dato Ir. Hj. Ahmad Husaini, Ketua Pengarah JPS.



6 FEB

LAWATAN - Duta Amerika Syarikat Paul W. Jones menandatangani buku pelawat NRE sambil diperhatikan oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Arah 17, Wisma Sumber Asli, Putrajaya.



25 FEB

KERJASAMA - YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama Deleqasi China dalam sesi jawatan pematanaan projek Panda Cergasi bersama Pegawai-pegawai Kanan NRE dan Jabatan ke Zoo Negara



13 MAC

USAHASAMA - YBhg Dato Dr Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha Alam Sekitar bersalaman bersama wakil delegasi China bagi membincangkan Projek Panda Cergasi bertempat di Wisma 17, Wisma Sumber Asli. Turut serta, Ketua Pengarah FRIM, Dato Dr Abdul Latiff.



18 MAC

TARHIAH - YBhg Dato Sri Zoa Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE menerima Anugerah Future Gov E-Government Awards yang dimenangi melalui sistem eBMG. Peringkat bertempat di One World Hotel, Kuala Lumpur.



18 MAC

INTEGRITI - Ybhg. Datin Junaidah Kamaruddin, Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) dalam sesi foto bersama Pasukan Audit daripada Jabatan Audit Negara selepas menamatkan sesi 'Ext. Conference' Pengauditan, Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akuntabiliti 2013 bertempat di lobi aras 13, Wisma Sumber Asli, Putrajaya.



19 MAC

MESRA - YBhg. Dato Dr Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) bersalaman bersama wakil Universiti tenaga Nasional selepas sesi penyempulanan cenderahati dan taklimat berhubung isu-isu alam sekitar di Bilik Mesyuarat Berlian, Arah 17, Wisma Sumber Asli.

WISMA NRE



PERHIMPUNAN BULANAN

BERSAMA YB. TIMBALAN MENTERI NRE

YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan yang telah diadakan pada 19 Februari 2013 di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli.

Majlis perhimpunan yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi serta Bahagian Mineral dan Geosains turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Zool Azha Yusof Ketua Setiausaha NRE.

Dalam ucapan Tan Sri Joseph Kurup, beliau berkata dengan tibanya tahun 2013 bermakna negara semakin menghampiri tahun keramat mentransformasikan Malaysia menjelang 2020 sebagai sebuah negara maju yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Sehubungan itu, warga NRE memainkan peranan penting dalam menjayakan wawasan tersebut berteraskan kepada dasar yang digubal bagi memastikan aspek perlindungan alam sekitar dan ekologi tidak dipinggirkan.

Beliau turut menyeru kepada semua kakitangan awam dalam mahupun luar negara untuk terus bekerjasama dan bergerak dalam satu pasukan untuk memastikan kecekapan penyampaian, keberkesanan pengurusan dan amalan diplomasi yang proaktif demi mempertahankan dan mempromosikan kepentingan Malaysia.

Dalam majlis itu, Timbalan Menteri juga turut melancarkan penerbitan jurnal pertama dihasilkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran berjudul Journal of Water Resources Management.





LAWATAN KERJA YB MENTERI KE RTB SG. MUAR FASA II, MUAR

Pada 29 Januari 2013 yang lalu, YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke Muar.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk mendengar taklimat khas mengenai Rancangan Projek Tebatan Banjir (RTB) di Lembangan Sungai Muar Fasa II dan melawat projek-projek Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di sekitar Pagoh.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Zool Azha Bin Yusof, Ketua Setiausaha NRE, YBhg. Datuk Ir. Nordin Bin Hamdan, Timbalan Ketua Pengarah, dan Ir. Chong Chee Han, Pengarah JPS Negeri Johor.

Skop pelaksanaan projek RTB Lembangan Sungai Muar Fasa II ini meliputi pembinaan Pintasan Banjir di Tanjung Olak, menaik taraf Sungai Pagoh dan saliran di kawasan Pagoh, pengagihan utiliti dan pengambilalihan tanah.

Sebanyak RM 225 juta diperuntukkan oleh kerajaan bagi kerja-kerja pembinaan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan yang dijangka siap menjelang 2015. Setelah projek ini siap sepenuhnya, ia akan dapat mengurangkan 43 peratus kawasan yang mengalami kesan banjir di daerah Muar dan Ledang.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KSU NRE

Majlis Perhimpunan Bulanan bersama YBhg. Dato' Sri Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah diadakan pada 18 Mac 2013 bertempat di Dewan Baiduri NRE.

Perhimpunan bulanan pada kali ini menampilkan kelainan kerana pada tanggal 27 Mac 2013, NRE menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke 9.

Dalam ucapan Dato Sri Zool Azha Yusof, beliau menyeru agar semua warga NRE menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan sepenuh hati dengan mengikut garis peraturan yang ditetapkan.

Beliau berkata, setiap apa yang dilakukan perlu mempunyai 'wow factor' yang tidak semestinya hanya dapat dilaksanakan dengan adanya kos tambahan tetapi melalui penerapan inovasi sebagai budaya kerja warga NRE.

Selain itu, beliau turut menegaskan agar warga NRE bersama-sama meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan. Kerjasama yang sedia ada haruslah dipertingkatkan sama ada kerjasama di antara kementerian dengan jabatan malah kerjasama dengan pihak-pihak lain, seperti pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGOs) dan jua pertubuhan.

Dalam majlis tersebut, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyerahkan surat perwakilan kuasa kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengendalikan aktiviti penguatkuasaan.

Pada majlis itu juga, beliau turut berkesempatan melancarkan buku Koleksi Ucapan YBhg. Dato' Sri Zool Azha Yusof bagi tahun 2012.

Di akhir ucapan, Dato' Sri Zool Azha Yusof merakamkan ucapan penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (PASPI), Unit Undang-Undang dan Unit Komunikasi Korporat kerana telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan NRE 2013.





BENGKEL INTERAKTIF HERBA DI SARAWAK

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC) dan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Sarawak telah berjaya menganjurkan Bengkel Interaktif Herba yang julung-julung kalinya diadakan di Simunjan, Sarawak, dari 2 hingga 3 Februari 2013.

Lima orang pegawai penyelidik dan pakar tumbuhan ubatan FRIM serta wakil SBC telah berkongsi pengetahuan mereka dengan 200 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil pelbagai lapisan masyarakat setempat termasuk usahawan dan bakal usahawan herba yang bakal menggiatkan industri herba di Sarawak.

Bengkel ini merupakan salah satu program outreach yang dirancang oleh FRIM bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap industri herba serta potensi ekonominya.



Bengkel ini juga bertujuan menwar-warkan spesies herba sebagai tanaman komersial yang boleh diusahakan oleh komuniti setempat bagi menambah nilai sektor pertanian sedia ada.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato Sri Douglas Uggah Embas telah merasmikan majlis pelancaran bengkel di Dewan Mestra, Simunjan, Sarawak, pada 2 Februari 2013.

Turut hadir adalah YBhg. Hajah Nancy Shukri, Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB), Dato' Dr Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM, Dr Rita Manurung, Ketua Pegawai Eksekutif SBC, Ketua-Ketua jabatan negeri dan ahli-ahli MFRDB.





PAMERAN DAN HARI BERTEMU PELANGGAN NRE



Menyedari kepentingan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah meneruskan inisiatif dengan mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) bagi tahun 2013. Bagi tahun ini, UKK telah mensasarkan sebanyak 6 kali pelaksanaan HBP ini.



Bagi tempoh sepanjang Januari sehingga Mac 2013 sebanyak dua siri telah berjaya dilaksanakan di sekitar Lembah Klang dan Pahang.

Program ini merupakan usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan NRE dan kumpulan sasar dan seterusnya memenuhi eskpektasi *stakeholder*. Program berbentuk *outreach* ini juga antara lainnya untuk mempromosikan perkhidmatan dan meningkatkan imej kementerian serta mendekati orang awam seluruh negara.



Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran, ceramah, kaunter aduan dan maklumbalas pelanggan dan aktiviti kuiz.

Pelaksanaan	Tarikh	Tempat
HBP Siri 1 Sempena IGM Outreach Program	29-30 Januari 2013	Hotel The Garden, Mid Valley City, Kuala Lumpur
HBP Siri 2 Sempena Sambutan Hari Hutan Sedunia	21 Mac 2013	UMP, Pahang

Hari Perhutanan Sedunia telah disambut di seluruh dunia pada 21 Mac setiap tahun sebagai simbolik kepada usaha-usaha ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Buat pertama kalinya sambutan Hari Perhutanan Sedunia telah disambut di Malaysia pada tahun 1974 dan Sarawak telah dipilih sebagai tuan rumah buat julung kalinya manakala di Semenanjung Malaysia pula, ianya telah disambut buat pertama kalinya pada tahun 1977.

Sejak 1984, sambutan Hari Perhutanan Sedunia Peringkat Kebangsaan telah diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir di antara negeri-negeri dengan tema-tema yang tertentu mengikut kesesuaian semasa. Lembaran sejarah telah bermula pada tahun 2013 apabila Hari Perhutanan Sedunia telah digantikan dengan Hari Hutan Antarabangsa (International Day of Forests) iaitu selaras dengan resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations General Assembly) yang bersidang pada bulan November 2012.

Justeru, sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini merupakan kesinambungan sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-42 dan merupakan sambutan buat kali kedua pernah diadakan di Negeri Pahang Darul Makmur.



SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2013



Pada kali ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Pekan, Pahang Darul Makmur telah dipilih sebagai lokasi tapak Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 dan perasmiaannya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang. Bertemakan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat" (Forests for Community Livelihood).

Tema ini secara langsungnya melambangkan semangat serta fokus yang tinggi dalam usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui agensinya untuk sama-sama meningkatkan kesedaran dalam aspek pemeliharaan, pembangunan dan pengurusan hutan secara berkekalan bagi semua jenis hutan demi kepentingan generasi masa kini dan akan datang.

Pelbagai acara menarik telah diadakan sepanjang majlis sambutan ini berlangsung seperti aktiviti menanam 1000 pokok pelbagai spesies nadir, Karnival Bersama Pelanggan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta pameran dari pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) serta Badan-Badan Berkanun Kerajaan (NGOs). Majlis sambutan pada kali ini adalah sangat meriah dan telah berjaya menarik kehadiran lebih daripada 1500 pengunjung.

FRIM, ZOO NEGARA bincang penanaman BULUH

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dato' Dr Abdul Latif Mohmod telah membuat lawatan ke Zoo Negara pada 22 Februari 2013 untuk membincangkan penanaman pokok buluh untuk makanan panda yang bakal tiba di Zoo Negara.

Dato' Dr Abdul Latif Mohmod diiringi oleh dua penyelidik FRIM, Abd Razak Othman dan Mohd Afendi Hussin juga telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Zoo Negara, Dato' Sr. Zahari Md Arif, Timbalan Presiden, Rosli @ Rahmat Ahmat Lana, dan pegawai-pegawai lain mengenai jalinan kerjasama dua hala antara FRIM dengan Zoo Negara dalam projek berkenaan.

Antara lain, mereka membincangkan tentang kaedah food testing pemakanan panda, kaedah penghantaran sampel buluh ke negara China, penambahbaik landskap kawasan Zoo Negara dan jalinan kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam usaha penghantaran sampel buluh.

Mereka juga dibawa melawat ke tapak penanaman buluh berhampiran zoo dan kawasan seluas 20 ekar yang bakal ditanam pokok buluh.



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha NRE ke Taman Negara Pahang Kuala Tahan

YBhg. Dato Sri Zoal Azha Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan satu lawatan kerja ke Taman Negara Pahang, Kuala Tahan selama dua hari bermula 22 Februari 2013.

Turut hadir dalam lawatan tersebut adalah Ketua Pengarah PERHILITAN, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Galian (JMG), Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), pegawai-pegawai kanan NRE dan pegawai-pegawai kanan jabatan.

Tujuan lawatan adalah bagi meninjau kemudahan santuari kelah Lubuk Tenor, laluan broadwalk, canopy walkway, Pos Kuala Terengan, kuarters lama di Seberang Ara, Kompleks Pejabat Kuala Tahan dan Lata Berkoh.



KEMPEN SIFAR SAMPAH DI FRIM

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melancarkan kempen "Katakan Tidak Pada Plastik dan Polistirena" Fasa II pada 18 Januari 2013 untuk menjadikan kawasan FRIM sebagai zon sifar sampah dengan menggalakkan semua warga FRIM dan pelawat menggunakan bekas makanan yang boleh dikitar semula serta mengurangkan pengeluaran sampah.

Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd Latif Mohmod, menggesa semua kakitangan FRIM dan pengendali makanan di dalam kampus untuk memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan kempen ini.

Beliau turut mengisytiharkan hari Isnin sebagai hari bebas beg plastik di FRIM, berkata semua pengusaha makanan di kampus FRIM termasuk kafeteria di Pusat Latihan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia diwajibkan mengguna bekas makanan yang mesra alam dan mengurangkan penggunaan beg plastik.

Selain itu, larangan membawa polistirena akan dikuatkuasakan dengan ketat. Warga FRIM yang membawa masuk makanan yang dibungkus dengan polistirena akan dikenakan denda RM1 untuk setiap bekas.



LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA NRE KE PUSAT KONSERVASI GAJAH KEBANGSAAN KUALA GANDAH



YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan pada 18 Februari 2013.

Beliau telah diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah I PERHILITAN, Puan Misliah Mohd Basir, Setiausaha Kanan Pembangunan NRE dan Pengarah JPS Negeri Pahang.

Turut serta dalam lawatan tersebut adalah pegawai-pegawai kanan daripada NRE, JPS dan juga PERHILITAN.

Lawatan bertujuan meninjau perkembangan projek ekopelancongan di bawah peruntukan "*Malaysian Mega-Biodiversity Hub (MMBH)*". Satu taklimat ringkas berkaitan projek juga telah diberikan oleh En. Nasharuddin Othman, Ketua Pusat Konservasi ini.

PAMERAN JABATAN PERHILITAN PROMOSI TAHUN MELAWAT MALAYSIA (TMM) 2014



Jabatan PERHILITAN telah menyertai pameran sempena karnival pelancongan yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 18 hingga 20 Januari 2013 di perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur sebagai usaha menyokong dalam menarik kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Majlis Pelancaran Karnival ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 19 Januari 2013.

MALAYSIAN HERBAL HERITAGE DILANCARKAN

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melancarkan sebuah buku yang bertajuk "The Malaysian Herbal Heritage" yang mengandungi keterangan mengenai 50 spesies tumbuhan ubatan di Semenanjung Malaysia termasuk kegunaan serta amalan tradisional yang berkaitan untuk penjagaan kesihatan dan kesejahteraan.

Majlis pelancaran bagi buku yang ditulis oleh 13 orang penyelidik dari Bahagian Hasil Semulajadi FRIM di bawah pimpinan Dr Rasadah Mat Ali dan disunting oleh Dr Vimala Subramaniam, telah disempurnakan oleh Pengerusi Pusanita Peringkat Kebangsaan, Datin Sri Dato' Rohani Abdullah, pada 19 Mac 2013.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti yang telah diadakan bersempena dengan Program Lawatan Turun Padang Pengerusi Pusanita Peringkat Kebangsaan dan IM4U yang dianjurkan oleh Pusanita Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Kementerian Pelancongan (MOTOUR).

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Setiausaha NRE, Dato' Sri Zoal Azha, Ketua Setiausaha MOTOUR, Dato' Dr Ong Hong Peng, Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd Latif Mohmod, dan kira-kira 250 orang peserta termasuk NRE ketua-ketua jabatan, kakitangan dan ahli-ahli Pusanita.



FRIM, DBKL HIJAUKAN IBUKOTA DENGAN SPESIES HUTAN



Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 28 Mac 2013 untuk berkerjasama dalam pembangunan landskap di Kuala Lumpur melalui penanaman spesies pokok hutan serta mengadakan sistem pengurusan dan penyelenggaraan taman dan hutan bandar yang lebih berkesan.

Dalam ucapan beliau di majlis menandatangani perjanjian tersebut, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, berkata kejayaan yang dicapai oleh FRIM dalam pembangunan Taman Eko Ara Damansara serta pemulihan hutan di kawasan bekas lombong di Bidor, Perak, telah memberi inspirasi kepada pihak DBKL untuk membangun dan menyelenggara taman-taman awam dan jalinan hijau di Bandaraya Kuala Lumpur.

Turut hadir di majlis yang diadakan di Menara DBKL ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Datuk Dr Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Mohd Jamal Mahussin dan KP DBKL, Datuk Salleh Yusop.

ASIAN OPENBILL (Anastaomus Oscitans) di Perak dan Pulau Pinang

Beribu-ribu burung Asian Openbill dilihat berlegar di ruang udara Kuala Gula. Fenomena ini boleh dilihat selama 2 jam bermula kira-kira jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari pada 8 Januari 2013. Kakitangan Jabatan PERHILITAN telah membuat pemantauan di sekitar Kuala Gula dan Hutan Paya Laut Matang bagi melihat spesies ini dengan lebih dekat.

Spesies ini kelihatan hampir sama seperti Burung Upeh Milky stork, (*Mycteria cinerea*) dan Botak Padi, Painted Stork (*M. leucocephala*). Walaubagaimanapun, bentuk paruhnya yang unik dapat membezakan spesies ini berbanding Burung Upeh dan Botak Padi dan saiz badannya juga lebih kecil berbanding spesies-spesies yang disebutkan tadi.

Kakitangan Jabatan PERHILITAN meneruskan pemantauan dan berjaya menemui kumpulan Asian Openbill di kawasan Tanjung Piandang dan Kg. Sg Acheh, Nibong Tebal, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang. Spesies ini hidup secara berkumpulan dan terdapat kira-kira 1000 ekor burung Asian Openbill di kawasan pemantauan. Spesies ini dilihat memakan siput yang terdapat di kawasan sawah padi tersebut. Rekod ini telah meningkatkan rekod spesies dan sekaligus boleh dijadikan tarikan ekopelancongan di Malaysia.



RAMPASAN 31 BUAH KOTAK YANG MENGANDUNGI 132 EKOR TENGGILING DI KLAS KARGO KLIA

Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama KL Airport Services Sdn. Bhd. di Klas Kargo Terminal, telah berjaya menahan dan merampas satu konsainan yang terdiri daripada 31 buah kotak yang mengandungi 132 ekor tenggiling pada 18 Mac 2013.

Dalam operasi pada jam 6.28 pagi itu, konsainan tersebut cuba dieksport daripada Malaysia ke Vientiane, Laos sebagai ketam hidup bagi mengaburi pihak penguatkuasa kesemua tenggiling tersebut telah dibawa ke Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN untuk tindakan selanjutnya.



BENGGKEL 'CONSERVATION ASSURED FOR TIGER THROUGH STANDARDS' (CATS) DI PUSAT PENYELIDIKAN PULAU BANDING, PERAK

Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama WWF International telah mengadakan bengkel 'Conservation assured for Tiger Through Standards' pada 27 Februari 2013 bertempat di Pusat Penyelidikan Pulau Banding, Perak.

Bengkel yang berlangsung selama sehari ini diadakan untuk membuat penambahbaikan terhadap *tiger standards guidelines* yang akan dijadikan sebagai model untuk penilaian konservasi harimau di Semenanjung Malaysia.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan PERHILITAN, Perbadanan Taman Negeri Perak, WWF Malaysia dan Pusat Penyelidikan Pulau Banding turut menghadiri bengkel tersebut.



SURVEI BADAK SUMATERA DI TAMAN NEGERI ROYAL BELUM



Program Survei Badak Sumatera di Taman Negeri Royal Belum, Perak telah dijalankan buat julung kalinya telah berlangsung dari 14 hingga 28 Februari 2013 dianjurkan oleh Bahagian Konservasi Biodiversiti, PERHILITAN.

Seramai 20 orang kakitangan PERHILITAN daripada Ibu Pejabat Negeri telah terlibat dalam survei ini. Hasil survei mendapati tiada kesan kehadiran terbaru Badak Sumatera ditemui di empat (4) plot kajian yang telah ditetapkan.

Survei turut mencerap spesies hidupan liar lain di sepanjang laluan, antara spesies yang berjaya dicerap adalah terdiri daripada 14 spesies Mamalia, 6 spesies Avifauna dan 2 spesies Herpetofauna.

Survei juga telah menemui beberapa utas jerat sembat di sekitar Sungai Rambutan dan telah dimusnahkan.

PAMERAN PERSIDANGAN 'CENTRAL FOREST SPINE' NEGERI PERAK



Persidangan 'Central Forest Spine: The Offing of The State Biodiversity Bastion' telah diadakan di Kinta Riverfront Hotel & Suite, Ipoh, Perak pada 19 Februari 2013.

Jabatan PERHILITAN telah terlibat secara aktif dengan menyertai pameran yang memaparkan model viaduct bagi pelintasan hidupan liar serta pembentangan kertas kerja bertajuk 'Experience In Incorporating Smart Green Infrastructure for Wildlife Crossing in Peninsular Malaysia' oleh Dr. Sivananthan T. Elagupillay, Pengarah Bahagian ekopelancongan, PERHILITAN.

Persidangan ini merupakan anjuran bersama antara Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Objektif utama persidangan adalah untuk mewujudkan kesedaran mengenai perwujudan Central Forest Spine serta pelaksanaan projek Koridor Ekologi Gerik, Perak. Persidangan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mah Hang Soon, EXCO Kerajaan Negeri Perak.

KURSUS PENGENDALIAN BUAYA JULUNG-JULUNG

Satu kursus pengendalian hidupan liar bagi spesies Buaya Julung-Julung telah diadakan pada 6 hingga 8 Mac 2013 bertempat di Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungai Dusun, Selangor.

Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang kakitangan daripada Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor, Bahagian Konservasi Ex-Situ dan Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungkai, Perak.

Objektif kursus ini adalah untuk melatih dan memberi kemahiran kepada kakitangan jabatan dalam mengendalikan Buaya Julung-julung. Di akhir kursus tersebut mendapati bilangan Buaya Julung-julung di PKHL Sungai Dusun ialah sebanyak 8 ekor iaitu 3 jantan dan 5 betina.

Majlis perasmian penutup kursus dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pengarah PERHILITAN Negeri Selangor, Tuan Haji Rahim bin Ahmad.



KELAHIRAN 'AHLI BARU'

Seekor gajah denak bernama Limau telah melahirkan seekor anak gajah betina yang dianggarkan seberat 40 kg pada 14 Februari 2013.

Limau yang berusia 20 tahun itu telah ditangkap di Kg. Limau Kasturi, Gua Musang, Kelantan pada April 2012 dan telah ditempatkan di Santuari Gajah Ketiar sebagai dijadikan gajah denak.

Kesihatan ibu dan anak gajah tersebut telah dipantau selama seminggu untuk memastikan kedua-duanya berada dalam keadaan baik.



KELAHIRAN SELADANG DI PUSAT KONSERVASI HIDUPAN LIAR SUNGKAI



Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungkai pada 4 Januari 2013 telah menerima 'warga baru' dengan kelahiran seekor anak seladang betina.

Anak baru ini merupakan anak kepada pasangan November dan Daisy. Rawatan menggunakan iodine, negasunt powder dan magtox wound spray serta penandaan microchip telah dijalankan ke atas anak seladang betina ini dan didapati ianya berada dalam keadaan sihat dan aktif.

TAPIR



Famili: Tapiridae

Order: Perissodactyla (tergolong dalam order yang sama dengan kuda, kuda belang dan badak sumbu)
 Nama tempatan: tenuk, cipan, machan, teronok, badak tampong, badak babi, badak murai dan kuda air.



ANCAMAN KEPADA TAPIR DI MALAYSIA



Seekor Tapir jantan terperangkap dalam sebuah pari di kawasan perumahan di Kempadang Perdana, Kuantan (Borneo Post, 2011)

Seekor Tapir yang tercedera kakinya terjatuh ke dalam kolam ikan sedalam 3 meter di Kampung Kapal Lenggeng, Negeri Sembilan (NST, 2012)

Tapir mati dilanggar kenderaan di kawasan lebuhraya (Lam Ching Fong, WWF-Malaysia)

Kaki Tapir terpaksa dipotong disebabkan oleh jerat. (Lim, 2010)

Tahan telah ditemui dalam keadaan buntu, takut dan lapar... Tahan kehilangan ibunya apabila ia keluar mencari makanan. Ibunya mati terkena tembakan pemburu haram yang menyangka ibunya seekor kijang. Tanpa sebarang bantuan, ibunya mati begitu sahaja meninggalkan Tahan keseorangan.



Tahan bernasib baik kerana telah dijumpai dan diselamatkan. Tahan telah dirawat sekucunya sehingga ia sihat. Tetapi tidak semua kawan-kawan Tahan bernasib baik sepertinya:

Bantulah Tahan dan kawan-kawannya untuk terus hidup secara aman dan bahagia...



Bangkai Tapir yang mati dilanggar motosikal telah dilapah di Ulu Cheka, Jerantut (Sinar Harian, 2013)

Hanya anda yang mampu menentukan keberterusan hidup Tahan dan kawan-kawannya.

Hubungilah **1-800-88-5151 (PERHILITAN)** sekiranya anda melihat tapir sesat atau teraniaya.

Sertailah Program Belia Kelab Pencinta Alam MNS bagi menyebarkan kesedaran tentang kepentingan menyokong usaha pemuliharaan tapir.

Hubungilah **03-22879422 (MNS)**

Sertailah program kesukarelawanan Fakulti Perhutanan UPM bagi menjadi 'mata-mata' kepada tapir di kawasan anda.

Hubungilah **03-89467184 (Fakulti Perhutanan UPM)**



Umur reproduktif antara 4-6 tahun.

Tempoh Kandungan (13 bulan)
Melahirkan seekor anak pada setiap kelahiran.



Corak pada badan anak tapir seperti corak kulit tembikai.

Oleh itu, anak tapir diberi gelaran **'walking watermelon'**.



Mula hilang jalur dan bintik pada badannya pada umur kira-kira 3 bulan.

Warna badannya hitam dan putih pada umur lebih kurang 5 bulan.



Jangka Hayat: lebih kurang 25 - 30 tahun.

Berat: antara 300-550 kg.

Fungsi - penyebar biji benih

Makanan kegemaran: buah-buahan, daun dan puuk daun. Membuang najisnya dalam sungai - meningkatkan potensi percambahan benih.

Anjuran



Dengan Sokongan

